

Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Langkawi

**SITI NORLIYANA HARUN
MARLIA MOHD HANAFIAH
NIZAM MOHD SAID**

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

POLICY BRIEF 21

Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Langkawi

Siti Norliyana Harun
Marlia Mohd Hanafiah
Nizam Mohd Said

2022

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Langkawi

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049
E-mail: mpdp@institutmasa.com

Advisor:

Azril Mohd Amin

Editorial Team:

Marhaini Kamaruddin

Hamidah Atan

Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan

Mohd Noor Musa

Lili Fariza Ariffin

Sim Why Jean

Nurul Aqilah Azman

Muhammad Fadzil Anif

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin

Liwani Che Long

Muhammad Haqimie Aiman Rosli

Muhammad Akmal Hamdan

PRAKATA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkan dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Dr. Siti Nor Liyana Harun dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Masa Depan Malaysia

TENTANG MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

TENTANG MPDP

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	4
Pengenalan	7
Jurang Polisi	12
Hasil dan Perbincangan	17
Cadangan Polisi	22
Rujukan	29

BIOGRAFI

SITI NORLIYANA HARUN

Siti Norliyana Harun ialah Felo Penyelidik di Institut Perubahan Iklim (IPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau menerima kedua-dua Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Sains Sekitaran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 2020, beliau berjaya menamatkan Ph.D. dalam bidang Sains Sekitaran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat penyelidikan beliau adalah dalam menilai prestasi alam sekitar produk dan teknologi dalam konteks penilaian kitaran hayat. Beliau juga berminat dalam penyelidikan nexus air-makanan-tenaga.

MARLIA MOHD HANAFIAH

Marlia Mohd Hanafiah seorang Profesor Madya di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan Ketua Pusat Sistem Perubahan Iklim Tropika di Institut Perubahan Iklim, UKM. Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam Penilaian Kitar Hayat (LCA) dari Universiti Radboud, Belanda pada tahun 2013. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang yang mengintegrasikan teknologi hijau dan pendidikan untuk menangani cabaran asas dalam masyarakat, terutama yang berkaitan dengan kelestarian.

NIZAM MOHD SAID

Nizam Bin Mohd. Said adalah seorang Pensyarah Universiti di Jabatan Sains Biologi & Bioteknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau menerima kedua dua Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana di University of Wales, Bangor, United Kingdom pada tahun 1999 dalam bidang seni dan seni gunaan, khususnya dalam konteks isu alam sekitar, perubahan iklim dan keseimbangan karbon. Kepakaran beliau juga meliputi warisan semula jadi dan budaya, di mana beliau mempunyai pengkhususan dalam perhutanan, silvikultur, ekologi tumbuhan, dan ekologi hutan.

Ringkasan Eksekutif

Wabak pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberikan impak negatif kepada banyak sektor ekonomi termasuk sektor pelancongan. Dasar Pelancongan Negara (DPN 2020-2030) yang telah dilancarkan dianggap salah satu inisiatif kerajaan dalam membantu memulihkan semula industri pelancongan di yang telah terkesan akibat pandemik COVID-19 di Malaysia.

Walau bagaimanapun, dasar ini haruslah dikaji semula bagi memastikan implementasi dasar ini sentiasa konsisten dan efektif terutamanya pada jangka masa panjang. Secara tidak langsung, proses adaptasi dan pemulihan terhadap komuniti setempat adalah terjamin.

Kajian ini dijalankan untuk menilai ketahanan dan kapasiti adaptasi menyesuaikan diri komuniti setempat terhadap impak COVID-19 yang berkaitan dengan sektor pelancongan yang dijalankan di Pulau Langkawi, Kedah.

Pulau Langkawi dipilih bagi kajian kes ini kerana aktiviti utama ekonomi penduduk setempat yang di Pulau Langkawi bergantung kepada sektor pelancongan.

Sektor pelancongan di Pulau Langkawi telah mempengaruhi ekonomi masyarakat setempat, yang disifatkan sebagai simbol untuk membantu masyarakat terutamanya dalam persekitaran ekonomi yang berubah kerana keupayaannya menjana pendapatan pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup.

Soal selidik telah dijalankan kepada komuniti yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pelancongan di Pulau Langkawi. Hasil kajian mendapati bahawa wabak COVID-19 telah memberi kesan yang ketara kepada ekonomi komuniti setempat disebabkan sekatan sempadan negara dan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang menyebabkan aktiviti pelancongan tidak dapat dijalankan.

Pembukaan Pulau Langkawi sebagai projek rintis gelembung pelancongan sangat membantu memulihkan pendapatan komuniti setempat yang terlibat dalam sektor pelancongan di pulau tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak empat tunjang dalam memperkasakan sektor pelancongan di Pulau Langkawi telah dicadangkan iaitu;

- 1.meningkatkan kemahiran inovasi dan pendigitalan sektor pelancongan,
- 2.memperkukuhkan tadbir urus dan respon terhadap impak pandemik,
- 3.membina ketahanan dan kapasiti adaptasi untuk daya saing, dan
- 4.koordinasi dan kerjasama antara pemegang taruh bagi melestarikan sektor pelancongan.

Cadangan penambahbaikan ini tidak terhad kepada Pulau Langkawi sahaja dan boleh diaplikasikan di kawasan pelancongan lain.

Hasil kajian ini adalah selari dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 iaitu memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari dan meningkatkan kapasiti modal insan dalam semua sub-sektor pelancongan, khususnya di Pulau Langkawi.

Selain itu, kajian ini dapat membantu dalam pembangunan dan pelaksanaan polisi dan strategi jangka pendek dan jangka panjang yang berkesan dalam membaikpulih sektor pelancongan khususnya untuk pengusaha industri pelancongan, komuniti setempat yang terkesan akibat pandemik COVID-19, pembuat dasar dan pihak berkepentingan lain.

Cadangan Polisi

Cadangan 1

- Meningkatkan kemahiran inovasi dan pendigitalan sektor ekopelancongan.

Cadangan 2

- Memperkukuhkan tadbir urus dan respon terhadap impak pandemik.

Cadangan 3

- Membina ketahanan dan kapasiti adaptasi untuk daya asing.

Pengenalan

Kepentingan aspek daya tahan (*resilience*) telah meningkat sejak kebelakangan ini disebabkan oleh peningkatan kesan secara langsung yang dialami oleh industri pelancongan dan industri-industri utama lain di seluruh dunia.

Penyelidikan berkaitan aspek daya tahan menjadi tumpuan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan dasar dan praktis berhubung dengan potensi impak terhadap kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup setempat. Oleh itu, konsep ini telah diadaptasi dalam pelbagai konteks termasuklah biologi, ekologi, pedagogi, psikologi dan sosiologi.

Teori daya tahan komuniti telah wujud beberapa dekad dan telah berkembang untuk mencerminkan pelancongan komuniti yang lebih luas untuk bertindak balas terhadap sebarang perubahan sosial atau persekitaran yang tidak dijangka (Hanafiah et al. 2017; Amir et al. 2015). Daya tahan komuniti sentiasa dikaitkan dengan kesan daripada bencana dan kejutan yang dihadapi (Bixler et al. 2022; Stone et al. 2022; Nofal et al. 2020; Almutairi et al. 2020).

Konsep ketahanan komuniti merujuk kepada pelancongan individu atau komuniti untuk menghadapi tekanan, mengatasi kesukaran atau menyesuaikan diri secara positif dengan perubahan yang berlaku (Amir et al. 2015). Ketahanan tidak boleh dianggap sebagai kualiti yang sama dalam diri individu atau kumpulan, sebaliknya ia berbeza mengikut keadaan dan masa.

Dalam wabak COVID-19 yang sedang melanda dunia, kajian tentang daya tahan sektor pelancongan sangat penting memandangkan sektor ini merupakan sektor yang sangat terkesan akibat wabak yang melanda.

Hal ini disebabkan pelancongan merupakan satu produk yang sangat baik dalam mempromosikan negara disamping dapat menjana ekonomi masyarakat setempat (Pusiran & Xiao 2013).

Oleh itu, kajian tentang daya tahan komuniti setempat terhadap kesan wabak COVID-19 dalam sektor pelancongan sangat penting dalam pemulihan dan kelestarian sektor pelancongan di Malaysia.


Wabak COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberikan kesan yang besar terhadap sektor ekonomi global dan seterusnya kesan secara langsung terhadap pelbagai sektor termasuklah sektor pelancongan yang terjejas teruk.

Sektor pelancongan di Malaysia juga tidak terkecuali mengalami kesan negatif seperti dilaporkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) (2020), pendapatan pelancongan negara menyusut sebanyak RM29.1 billion pada tempoh setengah tahun 2020 berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2019 disebabkan pembatalan kempen melawat Malaysia 2020.

Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ketibaan pelancong di Pulau Langkawi juga mengalami penurunan yang sangat ketara. Rajah 1 menunjukkan jumlah ketibaan pelancong di Pulau Langkawi dari tahun 2018 sehingga bulan Julai 2022.

Rajah 1

Jumlah Ketibaan Pelancong di Pulau Langkawi Dari Tahun 2018 Hingga Bulan Julai 2022



Walau bagaimanapun, pemulihan sektor pelancongan dijangka akan mengambil masa selama dua hingga empat tahun selepas fasa pandemik (UNWTO 2020). Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memulihkan semula industri pelancongan negara seperti pakej ransangan ekonomi dan pelancaran Dasar Pelancongan Negara 2020-2030.

Antara inisiatifnya adalah pembukaan semula Pulau Langkawi bagi meningkatkan ekonomi penduduk berkenaan yang bergantung sepenuhnya kepada sektor pelancongan. Pulau Langkawi yang dipilih sebagai projek rintis di bawah program gelembung pelancongan (*travel bubble*) dapat memberikan data-data yang lebih menyeluruh berkaitan dengan kesan pandemik COVID-19 terhadap sektor eko pelancongan dan komuniti setempat.

Secara ringkas, gelembung pelancongan domestik ialah pergerakan rentas negeri bagi tujuan melancong ke destinasi pelancongan yang dibuka melalui medium pengangkutan yang dibenarkan. Pelancongan gelembung domestik ini harus mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) Am yang telah ditetapkan Pelan Pemulihan Negara.

Kertas polisi ringkas ini adalah bertujuan untuk menilai tahap ketahanan (*resilience*) dan kapasiti adaptasi (*adaptive capacities*) sektor pelancongan terhadap pandemik COVID-19; Kajian kes komuniti setempat di Pulau Langkawi. Kajian literatur dan tinjauan soal selidik telah dijalankan terhadap komuniti setempat di Pulau Langkawi.

Hasil dapatan kajian rintis ini dapat dijadikan rujukan oleh negeri-negeri lain di Malaysia dalam memulih dan memperkasakan sektor pelancongan kesan daripada pandemik COVID-19.

Jurang Polisi

Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 – 2030 telah dilancarkan pada tahun 2020 oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yasin yang berteraskan enam (6) teras strategik utama seperti berikut:

- transformasi tadbir urus;
- mewujudkan zon pelaburan bagi projek pelancongan yang inklusif;
- mempergiatkan digitalisasi pelancongan;
- memperkayakan pengalaman dan kepuasan pelancong;
- memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari; dan
- meningkatkan kapasiti modal insan dalam semua sub-sektor pelancongan.

Namun, sejauh mana keberkesanan dasar dan implementasinya kepada komuniti setempat adalah tidak jelas. Hal ini disebabkan kurangnya pemantauan atau penilaian bersasar kepada komuniti setempat yang berhadapan dengan impak besar akibat COVID-19.

Selain itu, DPN 2020-2030 juga telah dilancarkan pada Disember 2020 iaitu kurang setahun daripada jangka masa negara dilanda wabak COVID-19.

Oleh itu, penilaian semula adalah perlu dijalankan secara bersasar kepada komuniti setempat, untuk menilai ketahanan dan kapasiti adaptasi terhadap proses pemulihan sektor pelancongan.

Kita sedar, pandemik COVID-19 telah mempercepatkan transformasi sektor pelancongan dalam penerimaan inovasi baharu dan pendigitalan kepada golongan tertentu termasuklah wanita. Sebagai contoh, tempahan dalam talian, pembayaran tanpa tunai dan daftar masuk sendiri telah menjadi norma baru dalam sektor pelancongan yang dapat diaplikasikan oleh penggiat sektor ini dengan cepat dalam tempoh pandemik.

Namun, negara berdepan dengan cabaran merealisasikan proses transformasi tadbir urus yang lebih cekap, selari dengan kehendak dan keperluan masa kini terutama dalam mendepani isu pandemik COVID-19.

Oleh itu, perkhidmatan dan latihan literasi digital adalah perlu untuk meningkatkan kemahiran pekerja sektor pelancongan, khususnya wanita dan belia, bagi meningkatkan pelancongan mereka menggunakan alatan digital dan sumber dalam talian untuk menyelaraskan operasi dan menyediakan fleksibiliti sambil membuat persediaan untuk masa depan pekerjaan.

Namun, sejauh mana kesedaran dan kebersediaan golongan wanita dan belia ini dalam transformasi digital kurang diberi perhatian di dalam dasar sedia ada.

Zon pelaburan bagi projek yang bersifat inklusif bagi meningkatkan kerjasama pihak awam dan swasta serta dapat menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa.

Dengan adanya kemajuan teknologi masa kini, jaringan dan kerjasama di antara pihak-pihak berkaitan dapat diperkukuhkan bagi membuka peluang dalam penerokaan sub-sektor inovatif baharu bagi industri pelancongan. Inisiatif ini dikatakan dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk setempat, namun begitu, kajian lanjut tentang sejauh mana inisiatif ini dapat membantu dalam memulih pendapatan penduduk.

Akses kepada teknologi digital dan menggunakannya untuk mempromosikan perjalanan, perdagangan, pendidikan dan bidang penting lain perlu diperluas.

Kajian bersasar perlu dijalankan untuk memastikan akses kepada teknologi digital sampai kepada pengguna atau penduduk setempat terutamanya di kawasan-kawasan terpencil. Pihak kerajaan harus terus melabur dalam jalur lebar, penggunaan telefon pintar dan pembangunan aplikasi untuk meningkatkan kemahiran inovasi dan pendigitalan sektor pelancongan.

Selain itu, pelaburan dalam capaian jalur lebar di kawasan-kawasan seperti pulau dan kawasan terpencil perlu ditingkatkan untuk memberikan pengalaman positif kepada pelancong.

Sektor pelancongan mampu berperanan sebagai sub sektor yang mempunyai nilai tinggi dalam industri pelancongan yang memberi dan menawarkan pengalaman sebenar dan pengembaraan unik bagi sesuatu kawasan.

Pengalaman pelancong boleh diperkayakan dengan melihat pelbagai aspek dalam sektor pelancongan itu sendiri termasuk usaha ke arah melindungi dan memelihara sumber semula jadi sesuatu kawasan selain daripada aspek kebudayaan, warisan dan keunikan masyarakat setempat sesebuah kawasan itu.

Kini pelancong sedar akan kepentingan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui pengalaman pelancongan. Sehubungan dengan itu, konsep pelancongan sesuatu kawasan seperti di Pulau Langkawi dan pulau-pulau lain di Malaysia perlu diberi perhatian lebih agar kepuasan dan pengalaman yang lebih bermakna dapat dirasai oleh pelancong terutama pelancong dari luar negara.

Oleh itu, ketahanan dan kapasiti adaptasi komuniti setempat di Pulau Langkawi terhadap impak Covid-19 adalah perlu untuk memastikan komuniti yang merupakan pemain industri pelancongan ini dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan menyumbang kepada pengalaman positif pelancong.

Bantuan latihan khusus untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi kepada peniaga yang terlibat dalam sektor pelancongan termasuk belia dan wanita perlu ditingkatkan. Sebagai contoh pengendalian pelancongan secara maya atau penganjuran program secara maya seperti larian dan berbasikal secara maya yang bertemakan kawasan pelancongan boleh dilaksanakan.

Kemahiran inovasi dan pendigitalan ini boleh melatih pengusaha industri berdaya tahan terhadap kejutan masa hadapan. Penguatan kapasiti modal insan ini amat penting dalam memastikan tahap ketahanan dan adaptasi pengusaha dan penduduk terlibat dapat dikekalkan. Kajian bersasar amat penting untuk menilai tahap penyesuaian diri pemain industri pelancongan terhadap perkembangan teknologi.

Kajian ini melibatkan kerjasama akademik dan penduduk setempat melalui perkongsian ilmu kepakaran ahli akademik yang dapat menyumbang kepada pembangunan daya tahan dan kapasiti adaptasi komuniti setempat. Melalui kajian ini juga, masyarakat dan komuniti setempat akan lebih bersedia dan bersiap-siaga jika bencana seumpama berlaku pada masa hadapan.

Polisi ringkas ini yang mencadangkan empat tunjang utama dalam memperkukuh daya tahan dan kelestarian sektor pelancongan dapat dijadikan sebagai panduan untuk merangka plan dan strategi untuk memperkasakan dan melestarikan sektor pelancongan dengan lebih berkesan di Pulau Langkawi. Polisi ringkas ini tidak terhad kepada Pulau Langkawi sahaja, namun boleh disesuaikan dengan Kawasan pelancongan lain di Malaysia.

Hasil dan Perbincangan





Penyelidik telah membuat kajian soal selidik kepada penduduk di Pulau Langkawi dengan menfokuskan golongan yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan di pulau tersebut. Kajian soal selidik dijalankan pada bulan Mei 2022 melalui kaedah *convenience sampling*.

Hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam Rajah 2 hingga Rajah 5. Responden yang terlibat dalam soal selidik terdiri daripada 70% wanita dan 28% lelaki, manakala selebihnya tidak dinyatakan.

Responden adalah berbilang kaum di mana majoriti responden adalah kaum Melayu (93%), selebihnya adalah kaum Cina (3%) dan India (2%). Sebanyak 93% responden beragama Islam, 3% Buddha dan 2% Kristian.

Majoriti responden mempunyai status pekerjaan sepenuh masa (73%), manakala 20% responden bekerja sendiri dan 5% bekerja separa masa.

Rajah 2
Maklumat Asas Ressonnden



Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pekerjaan majoriti responden, termasuklah kehilangan kerja. Hal ini memberi kesan secara langsung kepada pendapatan mereka dan memberikan tekanan kepada responden. Oleh itu, majoriti responden tidak bersetuju jika PKP diadakan semula.

Rajah 3


Tahap Kesedaran Responden



Pembukaan Pulau Langkawi sebagai projek rintis gelembung pelancongan sangat membantu ekonomi responden yang terlibat dalam industri pelancongan di Pulau Langkawi. Usaha kerajaan dalam mempromosikan pelancongan di Pulau Langkawi dilihat dapat merancakkan semula sektor pelancongan dan pendapatan responden yang terlibat.

Rajah 4

Tahap penerimaan responden




Tinjauan tentang tindakan dan mitigasi responden terhadap impak pandemik COVID-19 mendapati lebih 25% responden telah menambahbaik perkhidmatan mereka bersesuaian dengan *standards operation procedure* (SOP) pandemik COVID-19. Sebanyak 40% responden juga telah menggunakan platform digital untuk mempromosikan perniagaan dan perkhidmatan mereka.

Namun begitu, 20% responden menyatakan bahawa mereka tidak mempromosikan perniagaan dan perkhidmatan mereka melalui platform digital. Majoriti responden tidak mempunyai pendapatan lain selain aktiviti pelancongan.

Rajah 5

Tindakan dan Mitigasi Responden




Cadangan Polisi

Komponen utama dalam pemeraksanaan sektor pelancongan selepas pandemik COVID-19 diterjemahkan menerusi empat unjang utama seperti dalam Rajah 6 seperti berikut;

Rajah 6

Empat Tunjang Utama Memperkasa Kelestarian Sektor Pelancongan



(A) Tunjang 1: Meningkatkan kemahiran inovasi dan pendigitalan sektor pelancongan

Keperluan untuk bersiap sedia dalam mendepani sebarang krisis dan kejutan adalah amat penting kerana virus COVID-19 belum berakhir dan ia bukanlah merupakan krisis yang terakhir.

Oleh itu, pemerkasaan dan peningkatan daya tahan sektor pelancongan harus diberi penekanan terutamanya dalam kemahiran inovasi dan pendigitalan. Inovasi pelancongan dan ekosistem keusahawanan boleh membantu transformasi digital.

Inovasi boleh memberi tumpuan kepada model digital untuk mengurus perniagaan dan mencipta pekerjaan baharu, serta produk dan pengalaman mampan baharu yang menghubungkan pelancong dengan alam semula jadi dan industri kreatif, memperkasakan komuniti dan mempromosikan perjalanan selamat.

Pelan Tindakan

- Meningkatkan kemahiran inovasi dan pendigitalan dalam industri ekopelancongan.
- Menambahbaik capaian internet dan kemudahan teknologi digital di kawasan pelancongan terpencil.
- Memberikan insentif atau suntikan modal kepada penggiat sektor ekopelancongan untuk menambahbaik perniagaan dengan menggunakan teknologi digital.

- Memberikan latihan dan kemahiran teknologi digital kepada penggiat sektor ekopelancongan terutamanya belia dan wanita.
- Menyediakan platform rasmi untuk penggiat sektor ekopelancongan mempromosikan perniagaan, seterusnya, kerajaan harus membantu untuk mempromosikan platform rasmi tersebut dengan lebih meluas seperti di radio dan televisyen.

(B) Tunjang 2: Memperkukuhkan tadbir urus dan respon terhadap impak pandemik

Pengukuhan tadbir urus dan respon terhadap impak pandemik adalah penting untuk memulih dan memperkasakan sektor pelancongan.

Garis panduan sedia ada dalam menghadapi krisis perlu diperhalusi untuk memulih dan bersiap siaga dalam menghadapi krisis pada masa hadapan. Ini termasuklah bantuan fiskal dan bukan fiskal yang perlu bagi merencanakan dan memperkasakan sektor pelancongan.

Penyaluran peruntukan khas perlu dipercepatkan supaya penggiat sektor pelancongan tidak tercicir dalam penyampaian dan akses kepada bantuan.

Pelan Tindakan

- Menyediakan bantuan fiskal atau bukan fiskal kepada penggiat sektor ekopelancongan untuk memajukan dan menjamin kelestarian sektor ini.
- Memperluas bantuan kepada penggiat industri ekopelancongan kecilan yang tidak berdaftar.
- Mengurangkan dan melonggarkan syarat-syarat fi lesen dan kompaun kepada penggiat sektor ekopelancongan.
- Menyokong pembangunan infrastruktur pelancongan dan perkhidmatan berkualiti yang membolehkan pembangunan sektor lain yang berkaitan dan memudahkan pelaburan untuk PKS tempatan.
- Menseragamkan peraturan kesihatan dan keselamatan dalam pengoperasian sektor ekopelancongan dengan piawaian antarabangsa.
- Sentiasa mengemaskini garis panduan supaya seragam dengan standard antarabangsa yang berkaitan dengan industri ekopelancongan.

(C) Tunjang 3: Membina ketahanan dan kapasiti adaptasi untuk daya saing

Pelancongan berkonsepkan aktiviti luar seperti pelancongan telah mendapat perhatian daripada pelancong sejak berlakunya pandemik COVID-19.

Oleh itu, pelancong pada masa kini mempunyai kesanggupan untuk berbelanja lebih, sesuai dengan permintaan mereka untuk mendapatkan pengalaman pelancongan yang baik. Justeru, penggiat sektor pelancongan harus berdaya saing dengan meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Oleh itu, promosi dan komunikasi yang jelas dan proaktif perlu dititikberatkan dalam mendepani peningkatan permintaan pelancongan supaya memudahkan pelancong mendapat maklumat yang tepat dan terkini.

Selain itu, keselamatan, kesihatan dan kebersihan adalah aspek utama yang menjadi pertimbangan pelancong dalam fasa pandemik COVID-19. Oleh itu, penambahbaikan infrastruktur di kawasan-kawasan pelancongan yang mempunyai ciri keselamatan yang tinggi, akses kepada kemudahan perubatan berkualiti tinggi dan kebersihan kawasan pelancongan hendaklah diutamakan dalam memulihkan keyakinan pelancong ke Pulau Langkawi.

Pelan Tindakan

- Melahirkan komuniti yang mempunyai kesedaran dan sikap yang boleh beradaptasi dengan sebarang perubahan dan kejutan di masa hadapan
- Menjalankan program latihan dan sokongan untuk membentuk sikap positif dan tingkah laku komuniti untuk beradaptasi dengan sebarang kejutan.
- Memperkasakan kemahiran wanita dan belia terutamanya dalam kemahiran inovasi dan pendigitalan supaya berdaya saing dan mampu beradaptasi jika berlaku krisis pada masa hadapan.
- Keyakinan pelancong (SOP, kemudahan, pengalaman positif pelancong).
- Kerajaan memberikan sokongan kewangan untuk menambahbaik fasiliti dan perkhidmatan sektor ekopelancongan.
- Menyediakan sumber pendapatan alternatif untuk komuniti yang bergantung kepada pelancongan untuk membina daya tahan krisis.
- Menyokong pembangunan infrastruktur pelancongan dan perkhidmatan berkualiti yang membolehkan pembangunan sektor lain yang berkaitan dan memudahkan pelaburan untuk PKS tempatan.

(D) Tunjang 4: Koordinasi dan kerjasama antara pemegang taruh bagi melestarikan sektor pelancongan

Usaha melestarikan sektor pelancongan memerlukan pengukuhan koordinasi dan perkongsian antara pemegang taruh supaya tiada jurang dalam penyampaian maklumat. Pembangunan perkongsian di semua peringkat adalah penting untuk masa depan pelancongan. Kerjasama antara pemegang taruh terutamanya dalam konteks keselamatan dan kesihatan amat diperlukan untuk menjadikan pengendalian sektor pelancongan lebih selamat, meningkatkan keyakinan pelancong dan mempercepatkan proses pemulihan.

Ini termasuk pendekatan keseluruhan kerajaan, penyelarasan menegak yang konsisten antara pihak berkuasa, penyelarasan merentas sektor sokongan pelancongan seperti pengangkutan udara, darat dan maritim, perdagangan, alam sekitar, budaya dan pekerjaan, dan perkongsian awam dan swasta yang kukuh.

Pelan Tindakan

- Mengukuhkan koordinasi dan membina perkongsian di semua peringkat untuk mengelakkan jurang maklumat.
- Memperkukuh pendekatan keseluruhan kerajaan dengan menyelaraskan tadbir urus yang konsisten dan menegak antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan tempatan.
- Meningkatkan penyelarasan merentas sektor yang menyokong sektor ekopelancongan seperti pengangkutan darat, udara, dan laut, perdagangan, alam sekitar, budaya, pekerjaan, dan perkongsian sektor awam dan swasta yang kukuh.

Rujukan

Almutairi, Arif, Monjur Mourshed, & Raed Fawzi Mohammed Ameen. Coastal community resilience frameworks for disaster risk management. *Natural Hazards* 101, 2(2020), 595-630.

Amir, A.F., Abd Ghapar, A., Jamal, S.A. & Ahmad, K.N. (2015). Sustainable tourism development: A study on community resilience for rural tourism in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 168, pp.116-122.

Bixler, R. P., Yang, E., Richter, S. M., & Coudert, M. (2021). Boundary crossing for urban community resilience: A social vulnerability and multi-hazard approach in Austin, Texas, USA. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 66, 102613. <https://doi.org/10.1016/j.ijdrr.2021.102613>

Luthar, S. S. (2003). *Resilience & vulnerability: Adaptation in the context of childhood adversities*. Cambridge University Press.

Hanafiah, M.M., Gausmian, M.H., Seng, N.S.S.S., & Mokhtar, M.M. (2017). *Kelestarian alam sekitar: Amalan hijau menginspirasi kelestarian masa hadapan*. UKM Press, Bangi.

Pusiran, A. K., & Xiao, H. (2013). Challenges and Community Development: A Case Study of Homestay in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(5), p1.

Runnels, S., Brown, V., Schoor, G.M. & Engelbrecht, C. (2022). Virtual Reality for Hazard Mitigation and Community Resilience: An Interdisciplinary Collaboration with Community Engagement to Enhance Risk Awareness. *AIS Transactions on Human-Computer Interaction*, 13(2), pp.130-144.

Nofal, O.M. & Van De Lindt, J.W. (2020). Understanding flood risk in the context of community resilience modeling for the built environment: Research needs and trends. *Sustainable and Resilient Infrastructure*, pp.1-17.

UNWTO. (2020). *Impact assessment of the COVID-19 outbreak on international tourism*. <https://www.unwto.org/impact-assessment-of-the-Covid-19-outbreakon-international-tourism>



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:
www.institutmasa.com

e ISBN 978-629-95648-1-2



9 786299 564812